

SYOR GUBAL AKTA LINDUNGI WARGA EMAS

Aspek penjagaan dikaji sebelum perkenal akta

→ Kerajaan tegas pastikan anak tidak abai kebajikan ibu bapa

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Satu kajian bertujuan merangka aspek penjagaan warga emas untuk tempoh jangka panjang akan dilaksanakan kerajaan, disusuli undang-undang khusus bagi menjaga kebajikan mereka secara menyeluruh dan mapan.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kajian menyeluruh itu dikenali 'Kajian Diagnostik Model Penjagaan Warga Emas', antara lain bagi memastikan golongan berkenaan tidak diabaikan anak.

Penjagaan menyeluruh

"Undang-undang khusus berhubung isu ini juga akan dibentuk supaya penjagaan warga tua dilaksanakan secara menyeluruh dan mapan," katanya ditemui media selepas merasmikan Pusat Jagaan dan Latihan Pekerjaan Tasputra Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), di sini semalam.

Sambil menegaskan kajian itu penting sebelum undang-undang khusus mengenai penja-



[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI /BH]

Dr Wan Azizah beramah mesra dengan kanak-kanak kurang upaya selepas majlis perasmian Pusat Jagaan dan Latihan Pekerjaan Tasputra PERKIM di Taman U Thant, Ampang, semalam.

gaan warga emas diperkenalkan, beliau berkata, kerajaan mengambil maklum bahawa aspek tekanan hidup dan masalah ekonomi juga antara sebab anak mengabaikan ibu bapa.

"Justeru, tumpuan kajian bukan hanya aspek hukuman ke atas anak yang mengabaikan ibu bapa, tetapi juga aspek lain. Hukuman sahaja akan menyebabkan bebanan kepada institusi penjara, jadi kita kena tangani isu ini secara menyeluruh membabitkan semua aspek berkaitan," katanya.

Beliau mengulas laporan eksklusif BH pada Ahad lalu mengenai syor supaya kerajaan mewujudkan undang-undang lebih tegas bagi membolehkan hukuman setimpal dikenakan ke atas anak yang sengaja abai atau mendera ibu bapa secara

emosi, termasuk meninggalkan mereka bersendirian atau di rumah orang tua.

Hukuman tegas

Cadangan dikemukakan Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Rahimah Ibrahim yang berpendapat hukuman tegas perlu bagi membela nasib warga emas dan memastikan anak tidak sewenang-wenangnya melepaskan tanggungjawab.

Menerusi undang-undang khusus, anak tidak boleh lagi lari daripada tanggungjawab menjaga ibu bapa atau meninggalkan mereka, selain dapat memastikan institusi kekeluargaan sentiasa terpelihara berikutan perubahan sosiodemog-

rafi di Malaysia.

Keperluan itu juga berdasarkan unjuran Jabatan Perangkaan yang menjangka Malaysia mencapai status negara tua pada 2030, mempunyai 15.3 peratus atau 5.8 juta penduduk warga emas daripada jangkakan 38.1 juta keseluruhan rakyat.

Undang-undang berkaitan tanggungjawab dalam aspek penjagaan ibu bapa sudah dilaksanakan di Bangladesh, China, India dan Singapura sejak 1990-an dan terbukti berkesan untuk melindungi hak warga emas.

Di Singapura, anak wajib menanggung ibu bapa berumur 60 tahun ke atas dengan membayar sejumlah wang setiap bulan atau secara sekali gus mengikut undang-undang dikenali Parental Maintenance Act 1995.